



جابتن ائام إسلام فیراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1JLD2(3)

Tarikh: 2 Syaaban 1447
21 Januari 2026

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	23 Januari 2026 / 4 Syaaban 1447
Tajuk	Bertadabur al-Quran – Pemangkin Ummah Terbilang

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k: Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

MSN/HebahanKhutbah

“PERAK SEJAHTERA 2030”

KEPADA PENERUS JAWATANKUASA KARIAH / KHATIB / IMAM BERTUGAS

PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT 23 JANUARI 2026

PERKARA: “PROGRAM MESRA HARI BERTEMU PELANGGAN KERAJAAN NEGERI PERAK SIRI 1/2026”

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Sidang Jemaah yang dimuliakan

Di sini ada satu pengumuman, iaitu Kerajaan Negeri Perak menjemput Jemaah sekalian hadir beramai-ramai ke Program Mesra Hari Bertemu Pelanggan siri 1/2026 yang akan berlangsung seperti ketetapan berikut :

Tarikh: 29 Januari 2026 (Khamis)

Jam: 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

Tempat: Stadium Indera Mulia Ipoh

Program Mesra Hari Bertemu Pelanggan memberi peluang kepada Jemaah sekalian untuk:

- ✔ Berinteraksi terus dengan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan
- ✔ Mengemukakan pandangan, cadangan dan masalah anda
- ✔ Mendapatkan pelbagai perkhidmatan di bawah satu bumbung

Antara pengisian menarik yang disediakan:

- ◆ Jualan Murah & Rahmah
- ◆ Kaunter bergerak Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak
- ✎ Semakan dan cetakan bil Cukai tanah
- ✎ Bayaran bil Cukai Tanah
- ✎ Kaunter informasi mengenai Cukai Tanah
- ◆ Kaunter bergerak JPJ Negeri Perak
- ✎ Pembaharuan lesen dan roadtax
- ✎ Semakan dan bayaran saman
- 🎉 Masuk adalah PERCUMA!
- 🎯 Jangan lepaskan peluang ini untuk Jemaah mendapatkan pelbagai kemudahan, perkhidmatan dan maklumat terkini.

Semoga Jemaah sekalian diberkati dan dipermudahkan urusan oleh Allah SWT dan



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“BERTADABUR AL-QURAN - PEMANGKIN UMMAH TERBILANG”

23 Januari 2026 / 4 Syaaban 1447

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ¹، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ²، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ³، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi

Marilah kita meningkatkan iman dan memperteguh takwa. Taatilah Allah dengan sepenuh jiwa ketika berhadapan pelbagai dugaan dan ujian duniawi. Insaflah! dunia hanyalah persinggahan sementara, sedangkan akhirat ialah negeri yang abadi. Menjelang sambutan Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran peringkat negeri Perak yang bakal berlangsung pada 27 sehingga 29 Januari, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

“BERTADABUR AL-QURAN - PEMANGKIN UMMAH TERBILANG”

Firman Allah SWT:

﴿أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا﴾^{٨٢}

Bermaksud: Tidakkah mereka menghayati (merenung) al-Quran? Dan sekiranya al-Quran itu bukan daripada Allah, pastilah mereka menemui banyak hal yang bertentangan (percanggahan) dalamnya. (Surah An-Nisaa' ayat 82)

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Tadabur bermaksud merenung, memahami secara mendalam, dan menghayati makna serta pengajaran daripada sesuatu teks, terutamanya al-Quran, dengan berusaha menerapkannya dalam kehidupan seharian untuk muhasabah diri dan menjadi hamba Allah yang lebih baik; tadabur melibatkan pemerhatian menyeluruh terhadap ayat-ayat al-Quran, memahami konteksnya, sebab-sebab ayat diturunkan, serta hikmah di sebaliknya; bermakna al-Quran tidak sekadar dibaca secara zahir tanpa pemahaman – tanpa penghayatan – tanpa penerapan.

Selain membaca al-Quran dan terjemahannya, ummah dianjurkan untuk bertadabur dengan al-Quran yang mengandungi ilmu, pengetahuan, hikmah, dan pengajaran. Terdapat ratusan ayat al-Quran yang menyeru orang beriman agar menggunakan kebijaksanaan akal, meneladani segala petunjuk dan isyarat keilmuan. Imam *al-Suyutiy* dalam karya agungnya "*al-Itqan Fi Ulum al-Quran*" menggariskan 77 nilai ilmu yang diutarakan oleh al-Quran al-Karim, antaranya ilmu alam, sains, kemukjizatan, tajwid, tafsir, qiraat, sabab nuzul (sebab turun ayat), kaedah penurunan dan pengumpulan al-Quran, nasakh *mansukh* (iaitu teks yang dihapuskan), dan lain-lain. Dengan mentadaburkan al-Quran, insya-Allah umat Islam akan menjadi umat terbilang yang disegani lagi dihormati; berupaya mengemudi ketamadunan membentuk umat manusia yang seimbang duniawi dan ukhrawi.

Jemaah yang dimuliakan

Bagaimanakah bertadabur al-Quran boleh menjadi pemangkin ummah terbilang?

Tadabur membentuk ummah yang beramal berpedomankan dan berpandukan al-Quran. Al-Quran ialah kitab pedoman dan panduan dalam segenap bidang kehidupan manusia; merangkumi keimanan, ibadah, akhlak dan pelbagai ilmu pengetahuan lain. Ajaran al-Quran yang ditekuni dan diamalkan akan menatijahkan ummah bertauhid, menjaga solat lima waktu, berakhlak mulia, amanah lagi jujur, saling hormat menghormati, mengutamakan kesatuan, bersikap terbuka, bekerja bersungguh sungguh, bertamadun dan mementingkan ilmu pengetahuan.



Al-Quran sarat dengan ilmu pengetahuan. Tanpa tadabbur, ummah akan ketinggalan dalam meneroka rahsia keilmuan yang diketengahkan oleh al-Quran. Antara ilmu yang boleh didapati apabila kita mentadaburkan al-Quran adalah;

Pertama: Petunjuk kehidupan bermasyarakat, kegiatan ekonomi, bekerja dan berniaga yang mementingkan keberkatan perolehan dan perbelanjaan harta. Al-Quran memberikan panduan nilai yang betul berkaitan harta, serta larangan mengambil harta secara batil. Ketika ditimpa musibah, al-Quran mengajar manusia agar bertindak bijak, ketika dilimpahi nikmat kesenangan, al-Quran mengingatkan manusia supaya berjimat seperti yang disuratkan dalam surah Yusuf. Bagi membina sebuah masyarakat yang harmoni dan kuat, al-Quran mengingatkan ummah tentang kewajipan membina kesatuan.

Kedua: Al-Quran banyak memberi petunjuk untuk mengutamakan perdamaian di samping memberi petunjuk cara menghadapi musuh. Apakah semua orang kafir dianggap musuh atau hanya sebilangan yang menentang dan melakukan kerosakan sahaja.

Ketiga: Al-Quran memberi petunjuk tentang alam, bumi, langit, bulan, matahari, lautan dan pelbagai kehidupan yang manusia mendapat pelbagai manfaat hasil mengkajinya. Allah SWT berfirman dalam surah Yasin ayat 38:

﴿وَالشَّمْسُ تَجْرِي لِمُسْتَقَرٍّ لَّهَا ذَلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ ﴿٣٨﴾﴾

Bermaksud: Dan (sebahagian daripada tanda tersebut ialah) matahari kelihatan bergerak ke tempat yang ditetapkan baginya. Demikianlah takdir Tuhan Yang Maha Perkasa lagi Maha Mengetahui.

Banyak ayat al-Quran yang memaparkan rahsia alam, aspek astronomi, perubatan, kemanusiaan, falsafah, sejarah, perkhabaran lampau dan akan datang dan lain-lain. Bahkan dengan ilmu kemukjizatan, al-Quran membolehkan ummah mengkaji aspek-aspek sains dan teknologi yang diisyaratkan oleh al-Quran.

Keempat: Al-Quran memberi panduan urusan dan tanggungjawab membina keluarga yang bahagia dan masyarakat yang seimbang.



Oleh itu mentadaburkan al-Quran penting dijadikan budaya kehidupan. Setiap individu, keluarga, dan masyarakat, disarankan mengadakan program tadabur al-Quran di rumah, surau, masjid, begitu juga di institusi-institusi kerajaan dan swasta.

Mentadaburkan al-Quran hendaklah dilaksanakan dengan penuh keimanan dan keikhlasan, mempelajari beberapa ilmu seperti asas bahasa Arab, tafsir dan tajwid, menggunakan kebijaksanaan akal untuk berfikir tentang rahsia di sebalik ayat yang dibaca sesuai dengan ilmu, kemahiran dan kepakaran masing-masing.

Ingatlah! Allah SWT menampelak sikap hamba Nya yang tidak mahu tadabbur ayat-ayat al-Quran. Allah SWT berfirman dalam surah Muhammad ayat 24:

﴿أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ أَمْ عَلَى قُلُوبٍ أَقْفَالُهَا﴾

Bermaksud: (Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami dan memikirkan isi al-Quran? Atau hati mereka sudah terkunci (sehingga terhalang daripada menerima ajaran al-Quran)?

Jemaah Rahimakumullah

Mimbar mengutarakan tiga kesimpulan berikut:

Pertama: Mentadaburkan al-Quran ialah satu tanggungjawab kepada para pembaca al-Quran. Selepas membaca al-Quran dengan fasih, diikuti dengan bacaan yang bertajwid, teruslah membaca makna dan terjemahan, disusuli dengan tadabbur dan penghayatan terhadap ayat yang dibaca.

Kedua: Mentadaburkan al-Quran berserta adabnya menatijahkan kefahaman yang betul dan mendalam terhadap maksud ayat al-Quran diikuti dengan amalan terhadap perkara yang dianjurkan oleh al-Quran. Beramal dengan al-Quran akan melahirkan ummah terbilang.

Ketiga: Allah SWT mencela orang yang tidak mahu merenung dan memikirkan peringatan Allah melalui ayat-ayat al-Quran. Tanpa tadabur al-Quran, manusia akan tersesat dan tertipu dengan hawa nafsunya.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, Kurniakanlah kepada kami kefahaman yang mendalam dan ketajaman pemikiran untuk menghayati ayat-ayat al-Quran. Permudah kami untuk membaca dan mentadaburkan al-Quran. Hiasilah diri kami dengan akhlak al-Quran. Bukakanlah ke atas kami hikmah Mu dan limpahilah ke atas kami khazanah rahmat Mu untuk memahami dan mentadaburkan ayat-ayat Mu.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.



Ya Malikul Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.